

A scroll-shaped frame with a vertical strip on the left and a horizontal strip on the top, both with rounded ends. The text is centered within the frame.

**Yang kurik hanya kundi,
Yang merah hanya saga;
Yang baik hanya budi,
Yang indah hanya bahasa.**

BAB 1

PENDAHULUAN

Bab ini akan menghuraikan latar belakang kajian, objektif kajian, bidang kajian, bahan kajian, permasalahan kajian, metodologi kajian dan seterusnya melihat konsep-konsep penting yang digunakan dalam kajian.

1.0 Pengenalan

Terdapat pelbagai seni pengucapan yang di dalamnya mengandungi amanat dan mesej yang ingin disampaikan. Cetusan idea sama ada disampaikan secara tersurat mahupun tersirat atau secara literal dan sebaliknya, mengandungi tanda-tanda yang penuh simbolik. Justeru, perlu ada satu pendekatan atau disiplin untuk merungkai pencarian makna terutamanya yang melibatkan lambang-lambang yang sukar difahami. Pendekatan yang dikenal pasti dalam menangani permasalahan ini ialah disiplin semiotik yang merupakan ilmu bantu kepada cabang linguistik. Semiotik di sini merupakan ilmu atau metode analisis untuk mengkaji tanda. Melalui penerapan Model Semiotik Paling Luas (MSPL) yang

dijadikan kerangka teori dalam kajian ini bukan sekadar melihat kewujudan tanda-tanda yang bersifat empiris semata-mata, bahkan dapat mengesan tanda-tanda yang bersifat ontologikal.

Bersesuaian dengan salah satu cabang ilmu yang mengkaji tanda dalam mencari dan seterusnya memahami medan makna, yakni melihat tanda-tanda yang dijemakan dalam bentuk lambang, ikon dan juga indeks, amat sesuai jika diterapkan dengan unsur yang dicerakinkan dengan gaya penulisan yang penuh simbolik seperti pantun. Pantun sebagai salah satu puisi warisan rakyat tradisional Melayu kaya dengan pengucapan puitis yang dinyatakan dalam bentuk tersurat namun mengandungi makna yang penuh tersirat.

Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu zaman lampau begitu kaya dengan aspek pengucapan lisan yang kini masih hidup segar dalam bentuknya yang tersendiri lagi unik. Pengalaman, pengetahuan serta kemahiran yang sedia tersemat dalam diri mereka telah diterjemahkan dalam ungkapan pantun yang indah didengar serta kaya dengan nilai estetikanya. Pantun merupakan representasi manusia Melayu; berhubung pemikiran, emosi dan sentimennya yang diserlahkan, baik melalui satu kuplet, serangkap mahupun keseluruhan pantun berkenaan, misalnya dalam sebuah himpunan atau antologi. Seperti kata Francois-Rene Daille (1988:6) pantun merupakan '*a universe in wisdom*'.

Beliau cuba memerikan hubungan pantun dengan masyarakat Melayu melalui kenyataan yang berikut:

"This brief poem is an epitome of life and a universe in a grand of sand. It carries within itself all the elements of the Malay man's life : his land, his house, his garden, his paddy field; the river, the sea or the forest; the trees, fruits, animals; birds, fishes; the few simple things of everyday use; it expresses his customs and traditions, wisdom, belief and feelings of all, his love of man, woman and God...."

Berpandukan kenyataan di atas, jelas menunjukkan kedudukan pantun Melayu yang boleh dianggap sebagai pernyataan tradisi budaya di samping menonjolkan kemantapan daya kreativiti dan mentaliti masyarakat Melayu. Khazanah ini bukan sahaja menjadi kebanggaan masyarakat Melayu, malah melalui keunikannya yang tersendiri mampu menarik ramai pengkaji dari Barat mengenali pantun dan ternyata sejak dari awal lagi mereka sudah mula menunjukkan minat yang mendalam untuk sama-sama menyelongkar khazanah warisan budaya serta bangsa Melayu.

Pantun lahir dan berkembang secara popular dalam masyarakat Melayu yang buta huruf. Sebagai warisan tradisi lisan, penciptaan atau proses kreativiti pantun itu dilakukan dengan begitu rapi sehingga dapat menghasilkan susunan kata-kata yang menarik dan indah didengar.

Keindahan yang terdapat pada pantun itu membolehkan populariti tradisi itu dipertahankan sehingga kini.

Tradisi lisan ini ialah satu-satunya genre yang tersendiri dihasilkan dari dahulu hingga sekarang, yang terus hidup dan masih hidup, tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas. Melalui pantun, orang-orang Melayu dapat menyampaikan ilmu pengetahuan, pengajaran, sindiran, kiasan, rasa hati, perasaan dan hiburan dengan cara yang berkesan. Penyampaiannya dengan memilih kata-kata yang bersesuaian dengan rima yang menarik boleh membawa makna atau pengertian yang amat mendalam kepada pendengar. Sebuah pantun yang dianggap baik membawa kata-kata yang amat menarik dengan susunan kata-katanya yang indah dan makna yang mendalam tetapi tidak disampaikan secara langsung.

Jika diimbaz sejenak kepada sistem komunikasi serta cara masyarakat Melayu tradisional berinteraksi, didapati bahawa penyampaian maklumat dan ilmu pengetahuan dalam proses pendidikan atau proses sosialisasi dilakukan secara lisan, yakni disampaikan dari mulut ke mulut dari satu generasi kepada satu generasi yang berikutnya. Proses ini menunjukkan khazanah ilmu pengetahuan dipertahankan dalam konteks tradisi lisan. Oleh itu, daya ingatan memainkan peranan penting bagi menjamin pekekalan tradisi lisan ini. Justeru, sebagai

warisan tradisi lisan yang amat menekankan kepada kaedah penyampaian yang berkesan dan menarik, masyarakat Melayu tradisional cuba memastikan pantun disampaikan dan dinyatakan dengan cara yang indah, baik dari segi pemilihan kata-katanya mahupun penyampaiannya dengan irama yang bersesuaian.

Pantun merupakan salah satu bentuk puisi Melayu lama yang diwarisi sejak zaman lampau, namun masih tidak diketahui tarikh sebenar kewujudannya. Apa yang nyata, pantun merupakan salah satu daripada bentuk puisi lisan tradisional yang masih kekal digunakan sehingga kini. Menurut Za'ba (1965:219), pantun sebagai warisan bangsa Melayu mempunyai hak dan keistimewaannya yang tersendiri seperti dalam petikan yang di bawah:

"Pantun itulah kaedah rangkapan yang tertua dan memang asalnya kepunyaan Melayu betul. Dari semenjak tatkala orang Melayu belum tahu surat menyurat dahulu pun mereka telah pandai berpantun dan biasa berbalas-balas pantun antara sesama sendiri. Bahkan hingga sekarang ini pun pantun itulah kaedah karangan berangkap yang jati terpakai pada orang-orang Melayu kampung bagi menggambarkan fikiran-fikiran hiba sayu dan warna-warna perasaan yang indah-indah, seperti hal ehwal berkasih sayang dan pujuk rayu yang lemah lembut antara kekasih dengan kekasihnya."

Faktor keistimewaan inilah yang telah berjaya menarik perhatian di kalangan tokoh-tokoh Barat yang nampaknya begitu berminat membuat

kajian tentang sejarah kemunculannya. Antaranya termasuklah A.W. Hamilton, Richard Winstedt, H. Overbeck dan Tan Sri Mubin Sheppard.

Menyentuh tentang sejarah kemunculan pantun Melayu, dapat dikesan bahawa penemuan awal pantun mula wujud sejak zaman kerajaan Melayu Melaka yakni pada abad ke-15 dan catatan tentangnya terdapat dalam teks Sejarah Melayu, hikayat lama dan juga dalam Hikayat Asyik kepada Masyuk. Namun, adalah sukar untuk menentukan tarikh sebenar masyarakat Melayu mula-mula berpantun.

Justeru, para sarjana dan ahli-ahli bahasa rata-rata berpendapat bahawa pantun mula tercipta pada zaman kerajaan Melayu Melaka dengan alasan pantun pertama ditemui tercatat di dalam teks Sejarah Melayu dan sajak-sajak Ken Tambuhan. Mereka turut berpendapat bahawa kewujudan pantun sama seperti yang pernah diutarakan sebelum ini, iaitu muncul sekitar abad ke-15. Ini diasaskan daripada bukti bertulis yang biasanya diterima oleh masyarakat Barat sebagai bukti yang sah dan nyata.

Dalam sejarah perkembangan pantun Melayu, banyak sekali pantun yang termuat dalam hikayat-hikayat Melayu lama. Misalnya, dapat dilihat dalam Hikayat Pelandok, Hikayat Awang Sulung Merah Muda, Hikayat Indera Mengindera, Hikayat Malim Deman, Hikayat Raja Muda,

dan Hikayat Anggun Che Tunggal. Ini membuktikan bahawa tradisi lisan bercambah dan berkembang dalam masyarakatnya sejak zaman berzaman. Ia hidup dan berkembang dari satu generasi ke satu generasi yang berikutnya dengan bentuknya yang tersendiri, iaitu secara lisan dan kemudiannya terjelma pula dalam bentuk tulisan.

Melalui perbincangan mengenai sejarah serta asal-usul kewujudan pantun Melayu, secara rumusannya dapat disimpulkan bahawa pantun mula digunakan sebagai salah satu alternatif berkomunikasi sekitar abad ke-15. Kenyataan ini jelas berpandukan kepada bukti bertulis yang diterima pakai oleh para pengkaji tempatan mahupun pengkaji Barat.

Pantun di sini diertikan sebagai puisi lama yang terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap dengan dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan dua baris berikutnya mengandungi maksud atau mesej pantun sepenuhnya. Selain itu, ada di kalangan sarjana turut beranggapan bahawa peribahasa dan perumpamaan juga tergolong ke dalam kategori pantun.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002:977) menjelaskan pantun sebagai:

“...sejenis puisi lama yang biasanya terdiri dari empat baris dalam tiap-tiap rangkap...”

Sementara Kamus Umum Bahasa Indonesia (1976:710) pula mentakrifkan pantun sebagai:

"...sajak pendek, tiap-tiap kuplet biasanya empat baris (ab ab) dan dua baris yang dahulu biasanya untuk tumpuan sahaja."

Menurut Za'ba (1965:224) dalam tulisannya *Ilmu Mengarang Melayu*, terdapat 5 syarat yang diperlukan untuk menghasilkan pantun yang baik, iaitu seperti yang berikut:

- i. Bahagian pembayang maksud itu hendaklah cantik, iaitu menggambarkan sesuatu keindahan alam di sekeliling kita ini - warna yang cantik, bau yang wangi, bunyi yang sedap, daun-daun, bunga-bunga, burung-burung, awan dan sebagainya.
- ii. Maksud yang sebenarnya dikatakan oleh pantun itu hendaklah cantik juga serta ringkas tetapi mengandungi tujuan yang luas atau susunan kata yang menarik hati. Jika dibahasakan dengan kias ibarat terlebih baik lagi.
- iii. Maksud ini sebaik-baiknya hendaklah dibayangkan oleh bahagian pembayangnya itu dengan isyarat persamaan bunyi atau dengan gambaran kias ibarat sahaja.

- iv. Di antara masing-masing kerat yang berjodoh itu hendaklah ada sekurang-kurang dua perkataan yang bertentangan sama bunyi, danuduknya perkataan-perkataan itu hendaklah bertentangan tempat betul dengan jodohnya; seperti 'gaharu' dan 'cendana' dalam kerat pembayang berjodoh dengan 'tahu' dan 'bertanya' dalam kerat isi yang dibayangkan.

- v. Sukatan bunyi hendaklah ada sekurang-kurangnya delapan bunyi dalam tiap-tiap sekerat dan selebih-lebihnya dua belas. Di antara dua sempadan ini sebaik-baiknya sembilan bunyi atau sepuluh pada sekerat.

Garis pengukur yang disenaraikan di atas merupakan suatu panduan yang dianggap standard dan diterima pakai bagi menilai kategori pantun yang dianggap baik dan unik.

Jika dilihat daripada aspek luaran sesebuah rangkaian pantun sepertimana yang distrukturkan mengandungi dua bahagian utama yang saling melengkapi. Bahagian pertama dikenali sebagai pembayang atau sampiran manakala bahagian kedua dinamakan sebagai maksud. Omardin Haji Asha'ari (1961:18) dalam *Kajian Pantun Melayu* membahagikan pantun kepada dua bahagian, iaitu:

- iv. Di antara masing-masing kerat yang berjodoh itu hendaklah ada sekurang-kurang dua perkataan yang bertentangan sama bunyi, danuduknya perkataan-perkataan itu hendaklah bertentangan tempat betul dengan jodohnya; seperti 'gaharu' dan 'cendana' dalam kerat pembayang berjodoh dengan 'tahu' dan 'bertanya' dalam kerat isi yang dibayangkan.

- v. Sukatan bunyi hendaklah ada sekurang-kurangnya delapan bunyi dalam tiap-tiap sekerat dan selebih-lebihnya dua belas. Di antara dua sempadan ini sebaik-baiknya sembilan bunyi atau sepuluh pada sekerat.

Garis pengukur yang disenaraikan di atas merupakan suatu panduan yang dianggap standard dan diterima pakai bagi menilai kategori pantun yang dianggap baik dan unik.

Jika dilihat daripada aspek luaran sesebuah rangkaian pantun sepertimana yang distrukturkan mengandungi dua bahagian utama yang saling melengkapi. Bahagian pertama dikenali sebagai pembayang atau sampiran manakala bahagian kedua dinamakan sebagai maksud. Omardin Haji Asha'ari (1961:18) dalam *Kajian Pantun Melayu* membahagikan pantun kepada dua bahagian, iaitu:

- i. Bahagian pertama itu hanya pembayang maksud atau lebih tepat lagi dinamakan 'pembawa rangkap'.
- ii. Bahagian yang kedua pula mengandungi makna atau maksud yang sebenarnya.

Pembentukan pantun yang terbina secara berpasangan ini sebenarnya ada kaitan dengan pembinaan pantun itu sendiri yang terbahagi kepada dua bahagian seperti yang cuba dikemukakan oleh Za'ba (1965:221) yang berbunyi:

"Tiap-tiap pantun tetaplh tercantum daripada dua bahagian:

- (i) Bahagian yang pertama pembayang maksud, iaitu boleh diumpamakan sebagai kulit pantun itu. Tujuannya hanyalah seolah-olah menyediakan orang untuk mendengar isi yang sebenar akan dikatakan.
- (ii) Bahagian yang kedua mengandungi maksud yang sebenarnya, iaitu sebenar-benar isi pantun itu yang yang hendak dikatakan oleh yang berpantun."

Dengan ini tidak dapat dinafikan bahawa pantun merupakan pengungkapan kosmologikal Melayu yang diterapkan dengan inspirasi keindahan. Interaksi antara manusia dengan alam begitu erat hinggan 'alam yang terbentang dijadikan guru'. Kenyataan ini jelas terpancar melalui rangkap pantun yang berikut:

Penakik pisau raut,

Ambil galah batang lintabung,

Seludang dijadikan nyiru;

Setitik dijadikan laut,

Sekepal dijadikan gunung,

Alam terbentang dijadikan guru.

(KuPM, 1984:200)

Desakan perasaan yang lahir dari naluri manusia memungkinkan penciptaan pantun sebagai satu seni pengucapan yang penuh dengan simbolik dan berkias ibarat. Interaksi minda manusia dengan alam ciptaan Tuhan cukup erat. Manusia membesar dikelilingi oleh alam dan secara tidak langsung alam merupakan sumber inspirasi yang menjadi santapan kepada minda manusia untuk berbahasa melalui pantun. Tambahan mereka dilahirkan dalam situasi tidak tahu membaca dan menulis. Justeru, alam dijadikan sebagai 'guru' tempat menimba ilmu serta pengalaman.

Pemantun meminjam banyak kata daripada sumber-sumber alam seperti lautan, unsur flora dan fauna, nama-nama tempat, gunung-ganang, bukit-bukau dan sebagainya untuk dijelmakan ke dalam bahagian pembayang maksud. Seterusnya pencerakinan idea dicituskan ke dalam bahagian tujuan atau maksud sebenar melalui bunga-bunga bahasa.

Menurut Zainal Abidin Bakar (1984:23-31), secara mudahnya aspek penjenisan pantun dapat dibahagikan kepada tiga kategori umum seperti yang diringkaskan dalam jadual yang berikut:

- | |
|--|
| <ol style="list-style-type: none">1. Penjenisan Pantun dari Sudut Audien<ul style="list-style-type: none">- Pantun kanak-kanak- Pantun orang dewasa- Pantun orang tua
2. Penjenisan Pantun dari Sudut Bentuk<ul style="list-style-type: none">- Pantun dua baris (pameo / pantun kilat)- Pantun empat baris (kwatrain)- Pantun yang lebih dari empat baris- Pantun berkait
3. Penjenisan Pantun dari Sudut Tema<ul style="list-style-type: none">- Pantun adat dan resam manusia- Pantun agama dan kepercayaan- Pantun budi- Pantun jenaka dan permainan- Pantun teka-teki- Pantun kepahlawanan- Pantun pendidikan dan nasihat- Pantun peribahasa dan perbilangn- Pantun kias dan ibarat- Pantun kembara dan perantauan- Pantun percintaan |
|--|

Jadual 1.1: Penjenisan Pantun Mengikut Kategori

Namun, dalam kajian yang akan dijalankan ini hanya menumpukan kepada kehadiran lambang-lambang KN dalam bahagian maksud pantun sahaja. Dari segi penjenisan bentuk pantun pula difokuskan kepada

pantun empat kerat dengan memilih kumpulan tema Pantun Agama & Kepercayaan (PA&K) serta Pantun Peribahasa & Perbilangan (PP&P).

1.1 Latar Belakang Kajian

Disiplin kajian semiotik bermula di Barat yakni sekitar abad ke-19. Justeru, memang tidak menghairankan jika ditemui banyak bahan bacaan dari Barat yang menjadi sumber rujukan di Malaysia memandangkan bidang ilmu ini dipelopori oleh sarjana Barat. Kemunculan dua orang perintis aliran semiotik moden, iaitu Ferdinand de Saussure dan Charles Sanders Peirce telah mendorong kemunculan lebih ramai lagi pengkaji yang seangkatan mahupun tokoh-tokoh selepasnya, masing-masing menumpukan kajian dalam bidang yang sama, namun muncul dengan teori dan fahaman yang tersendiri.

Antara hasil kajian terpenting ialah '*A Theory of Semiotics*' (1976) oleh Umberto Eco, '*Structuralism and Semiotics*' (1977) oleh Terence Hawkes, '*Theories of the Symbol*' (1982) oleh Tzvetan Todorov, '*Media Analysis Techniques*' (1985) oleh Arthur Asa Berger, '*Allah Transcendent : Studies in the Structure and Semiotics*' (1989) oleh Netton Ian Richard, '*Peirce's Doctrine of Sign Theory, Applications and Connections*' (1996) oleh Vincent M.Colapietro '*Introducing Semiotics*' (1997) oleh Paul Cobley & Litza Jansz, '*Encyclopedia of Semiotics*' (1998) oleh Paul Bouissac,

'*Elements of Semiotics*' (1999) oleh David Lidov, '*An Introduction to Fiction*' (1999) oleh X. J. Kennedy dan Dana Gioia, '*The Pursuit of Signs: Semiotics, Literature, Deconstruction*' (2001) oleh Jonathan Culler, '*The Routledge Companion to Semiotics and Linguistics*' (2001) oleh Paul Cobley, '*Semiotics: The Basics*' (2002) oleh Daniel Chandler dan sebagainya.

Terence Hawkes dalam '*Structuralism and Semiotics*' (1977) telah membincangkan kemunculan tiga fahaman yang dibawa oleh Vico, Piaget dan aliran strukturalisme dalam bahagian pengenalan. Selain itu, beliau turut menyentuh mengenai bidang linguistik dan antropologi dengan mengemukakan tokoh-tokoh penting dalam bidang kajian masing-masing seperti Ferdinand de Saussure dan Claude Lévi-Strauss. Bab keempat secara relevan membincangkan sains tanda secara umum dengan kelahiran dua tokoh perintis disiplin semiotik moden yang membawa fahaman teori masing-masing.

Sementara itu, dalam bab pertama '*Theories of the Symbol*' (1982) oleh Tzvetan Todorov telah menyentuh kelahiran semiotik Barat dan membincangkan secara ringkas berkaitan definisi dan deskripsi semiotik oleh Augustine yang termuat dalam bahagian bab kelima karya terkenalnya '*On Dialectics*'.

Arthur Asa Berger pula turut menyentuh tentang kajian relevan berkaitan disiplin semiotik yang terdapat dalam bahagian bab pertama dan ketiga bukunya yang berjudul '*Media Analysis Techniques*' (1985). Beliau menumpukan perbincangan awal dengan topik sejarah kemunculan semiotik moden. Seterusnya penelitian teori de Saussure dilihat dalam hubungannya dengan ilmu linguistik dengan mengkhususkan kepada kajian bahasa dan pertuturan, kajian sinkronik dan diakronik serta analisis sintagmatik dan paradigmatik.

Teks lengkap mengenai disiplin ini boleh dilihat dalam tulisan Daniel Chandler yang berjudul '*Semiotics: The Basics*' (2002). Tulisan ini boleh dikatakan agak terperinci dan lengkap kerana menyentuh keseluruhan aspek tanda yang didukung oleh de Saussure dengan konsep '*signified*' dan '*signifier*' dan teori Peirce yang mengkategorikan tanda kepada lambang, ikon dan juga indeks. Aliran teori yang didukung oleh kedua-dua perintis kelahiran semiotik moden ini juga turut dibincangkan secara menyeluruh.

Jika ditinjau dari sudut penghasilan bahan-bahan bacaan berkaitan dengan kajian semiotik di Malaysia pula memang tidak begitu memberangsangkan. Ini tidaklah bermakna bidang ini tidak menarik untuk dikaji, namun memandangkan disiplin ini masih baru di Malaysia, maka wajarlah tidak begitu banyak bahan seumpama ini dihasilkan. Fenomena

ini ketara berbeza jika dibandingkan dengan negara Barat dan tampaknya disiplin ini juga sudah mula menular dan mendapat tempat di kalangan para pengkaji di Indonesia. Tidak menghairankan jika hasil-hasil tulisan dari Barat dan juga Indonesia menjadi sumber rujukan di kalangan ilmuwan tempatan.

Sejarah kelahiran serta perkembangan disiplin kajian semiotik di Malaysia pula mula mendapat perhatian sekitar awal tahun 1980-an. Salah seorang daripada tokoh ilmuwan yang giat memperkatakan tentang bidang kajian ini ialah Supardy Muradi. Banyak hasil tulisannya berbentuk artikel dimuatkan dalam Dewan Sastera.

Beliau memulakan kajian awalnya pada pertengahan tahun 1984 dengan menumpukan penelitian kepada teori dasar kajian semiotik moden yang berasal dari teori dan kaedah strukturalisme. Dalam bahagian pertama esainya yang berjudul 'Strukturalisme sebagai Disiplin Kritikan Sastera' (Dewan Sastera, Jun 1984:42-50), beliau telah membincangkan sejarah perkembangan strukturalisme di Barat secara sepintas lalu. Menurutnya, kajian ini mula bertapak di Eropah sekitar tahun 1960-an dengan kemunculan Ferdinand de Saussure (1857-1913) sebagai perintisnya. Dalam bukunya yang berjudul *Course In General Linguistics*, de Saussure menganggap bahasa sebagai satu sistem perlambangan yang sepatutnya dikaji secara *synchronic*, yakni sebagai satu sistem pada

suatu ketika yang tertentu dan bukannya dilihat sebagai *diachronic* yang mempersoalkan sejarah perkembangannya (Supardy Muradi, 1984:48).

Melalui tulisan ini juga, beliau berpendapat bahawa pengkajian strukturalis harus ditumpukan sepenuhnya kepada sistem-sistem yang terdapat di dalam sesebuah karya itu sahaja, tanpa mengaitkannya dengan unsur-unsur luar yang membantu penciptaannya.

Seterusnya, Supardy Muradi memperincikan perbincangan berikutnya dalam bahagian kedua (Dewan Sastera, Julai 1984:33-39) dan bahagian ketiga (Dewan Sastera, Ogos 1984:42-48).

Sementara itu, dalam kajiannya yang bertajuk 'Semiotik dan Kajian Perlambangan' (Dewan Sastera, Disember 1984:35-39), beliau telah menemukan beberapa orang tokoh berwibawa dalam bidang kajian ini, iaitu seperti Umberto Eco dalam tulisannya berjudul '*Theory of Semiotics*' (1976), Jonathan Culler dalam bukunya yang berjudul '*The Pursuit of Signs: Semiotics Literature, Deconstruction*' (1978), dan Michael Riffaterre dalam '*Semiotics of Poetry*' (1980). Penerimaan masyarakat Barat terhadap disiplin ini dirujuk kembali setelah terbitnya '*Collected Papers, vol. 1.*' (1931) oleh Charles Sanders Peirce.

Dalam esei yang terhad ini juga beliau telah memberi pentakrifan berkaitan dengan konsep semiotik sebagai sains umum yang mengkaji sistem perlambangan di dalam segenap bidang kehidupan manusia. Menurutnya, lambang-lambang sama ada yang sah atau kabur hanya mampu dikaji dan diselongkari oleh satu disiplin yang bersifat '*inter - disciplinary approaches*' (Supardy Muradi, Disember 1984:37). Beliau turut menyentuh konsep-konsep penting yang dikemukakan oleh Saussure berkaitan dengan lambang, iaitu kombinasi antara *signified* (penanda) dan *signifier* (petanda) yang menghasilkan lambang-lambang dalam ilmu linguistik.

Hasil-hasil tulisan Supardy Muradi juga boleh dilihat dalam kajiannya berkaitan dengan 'Semiotik dan Muzik' (Dewan Sastera, Mac 1985:25-34) dan dalam esei yang bertajuk 'Saussure dan Struktural Linguistik – Timangan itu Kembali Lagi' (Dewan Sastera, Oktober 1986: 28-35).

Selain itu, perbincangan mengenai disiplin ini juga boleh dilihat dalam buku-buku yang kebanyakannya diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Misalnya, dalam buku yang berjudul *Fiksyen dan Sejarah: Suatu Dialog* (1989, hlm. 3-18) karya Umar Junus menyentuh tentang semiotik dalam bahagian bab pertama dengan sub topiknya yang bertajuk 'Fiksyen dan Realiti: Mimetik dan Semiotik'.

Sementara itu, satu lagi hasil tulisan Supardy Muradi yang bertajuk *Teori-teori Kesusasteraan Mutakhir* (1989, hlm. 127-147) turut membincangkan satu bab mengenai semiotik, iaitu dalam bab keenam yang menyentuh berkaitan dengan 'Semiotik Sepintas Lalu'.

Usaha beliau diteruskan dengan mengumpul koleksi kertas kerja untuk dibukukan dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1990. Buku berjudul *Kesusasteraan daripada Perspektif Semiotik* ini memuatkan enam kertas kerja yang telah dibentangkan dalam "Seminar Sehari Mengenai Semiotik" yang diadakan di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1987.

Kertas kerja pertama memuatkan kritikan oleh beliau sendiri yang bertajuk 'Semiotik dan Prosa: Satu Tanggapan'. Dalam bahagian awal perbincangan, beliau telah memberi tumpuan kepada kemunculan teori semiotik sebagai salah satu bidang kritikan kesusasteraan mutakhir. Menurutnya, semiotik sebagai teori membaca dan menilai sastera sebenarnya tidak terhad kepada genre ini semata-mata, bahkan kajiannya juga melibatkan kebudayaan, bahasa, seni dan pelbagai bidang ilmu yang lain.

Walaupun beliau menumpukan kajian terhadap prosa, namun beliau tidak menafikan asas-asas kajian strukturalis dan semiotik bermula

daripada bahasa. Beliau mempunyai beberapa alasan tersendiri yang menyebabkan asas pengkajian ditumpukan kepada genre sastera. Antaranya adalah kurangnya pendedahan dan penggunaan terapan teoritikal mutakhir ke atas prosa tempatan kecuali beberapa percubaan yang dilakukan oleh Umar Junus. Selain itu, beliau juga ingin menguji sejauh mana kerelevanan dan keberkesanan kajian semiotik ke atas karya-karya berbentuk prosa seperti yang dituntut oleh Barthes. Rumusannya, beliau berpendapat pemilihan semiotik sebagai model pembacaan prosa berupaya menyelesaikan masalah tafsiran dan proses pemberian makna kepada karya-karya.

Sementara itu, kertas kerja kedua pula merupakan hasil tulisan Wong Soak Koon yang meneliti perbincangan mengenai 'Semiotik dan Puisi'. Manakala Umar Junus pula menumpukan perbincangan mengenai 'Semiotik dan Kesusasteraan' dalam kertas kerja yang berikutnya.

Melalui perbincangan mengenai 'Semiotik dan Bahasa' yang dikemukakan oleh Abdullah Hassan, ternyata pendirian tokoh ini cenderung kepada aliran semiotik yang dibawa oleh Ferdinand de Saussure. Beliau memfokuskan kajian terhadap konsep duaan dalam kajian bahasa, iaitu perbezaan konsep jirim dan jisim, langue dan parole, diakronik dan sinkronik, sintagmatik dan paradigmatic, dan seterusnya konsep pelambang dan lambangan. Hasil daripada analisisnya, beliau

berpendapat bahawa karya sastera terdiri daripada kesemua unsur bahasa yang dinyatakan. Melalui kajian yang melibatkan aspek pelambang dan unsur lambangannya pula dapat membantu seseorang dalam mencari makna, tema dan mesej dalam sesebuah teks.

Dua kertas kerja terakhir pula menyentuh tentang disiplin semiotik menurut perspektif Islam yang telah diutarakan oleh M. Khalid Taib dan Baharudin Ahmad dengan kerjasama Ali Mohd. Isa dengan tajuk 'Pandangan Islam Terhadap Dua Andaian dalam Doktrin Semiotik'. Sementara kertas kerja terakhir memuatkan penelitian oleh Ali Haji Ahmad dengan tulisannya yang bertajuk 'Ilmu Kesusasteraan Harus Kembali ke Akar Islam'.

Pada dasarnya, kajian yang menjurus kepada disiplin semiotik berasaskan agama atau kepercayaan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Ini kerana tidak adanya inisiatif ke arah penghasilan atau penulisan bahan-bahan berkaitan yang dapat dijadikan sumber rujukan. Setakat ini hanya terdapat satu kertas kerja yang berkaitan hasil tulisan M. Khalid Taib dan Baharuddin Ahmad dengan kerjasama Ali Mohd. Isa, selenggaraan Supardy Muradi yang diterbitkan dalam bentuk buku oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1990).

M. Khalid Taib dan Baharudin Ahmad telah mengutarakan kritikan mereka terhadap andaian Charles Sanders Peirce mengenai semiotik dan epistemologi. Mereka berpendapat bahawa teori Peirce yang hanya berdasarkan kepada ilmu akli semata-mata tidak akan membawa manusia kepada jalan kebenaran. Ini kerana kajian tanda hanya ditumpukan kepada kewujudan yang bersifat konkrit, yakni dunia yang hanya dapat dikesan melalui pancaendera. Justeru, kewujudan yang berada di luar jangkauan akal seolah-olah 'ditiadakan'. Secara tidak langsung golongan ini menolak kewujudan Pencipta dan ciptaan-Nya yang berada di luar alamiah (alam ghaib). Sekiranya manusia masih berada dalam lingkaran ilmu yang sedemikian, maka mereka akan terus berada dalam kesesatan selama-lamanya. Sebagai jalan penyelesaiannya, mereka mengemukakan kebenaran berpaksikan kepada ilmu naqli yang bersumberkan wahyu, iaitu al-Qurān dan al-Hadis.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya tertumpu kepada pencarian ilmu yang berteraskan pembuktian daripada dalil-dalil yang menunjukkan kewujudan dan kemahabesaran Pencipta bagi menolak pandangan Peirce yang berfalsafahkan humanisme barat. Kontradiksi tamadun Islam dan Barat jelas ketara dari segi kefahaman ilmu itu sendiri. Penyimpangan sistem keilmuan Barat jauh terpesong dan boleh menyesatkan akidah umat Islam kerana mereka menolak kewujudan Pencipta dan tanda-tanda kekuasaanNya dengan alasan gagal 'menemui' kewujudan Pencipta dan

tidak dapat menanggapi perkara-perkara yang ghaib. Memang tidak dinafikan kesuntukan ruang dan waktu barangkali menyulitkan perbincangan secara menyeluruh mengenai kajian tanda dan hal ini diakui sendiri oleh penulis berkenaan.

Tidak ketinggalan usaha penterjemahan berkaitan disiplin ini juga turut dilakukan. Misalnya, hasil tulisan Charles Chadwick yang berjudul '*Symbolism*' telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Shamsiah Mohd. Said dengan judul *Simbolisme – Siri Konsep Sastera*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (1991).

Kajian-kajian seumpama ini juga nampaknya mula mendapat perhatian serius di kalangan sarjana tempatan dengan kemunculan lebih ramai ilmuwan yang meneliti bidang kajian ini dalam tulisan mereka. Misalnya, Kamaruddin Abdul Rahman telah membuat tinjauan berkaitan dengan '*Novel Madu dalam Saringan Ditinjau dari Aspek Semiotik*' (Mastika, Mei 1991:52-54) yang memberi tumpuan kepada aspek lambang-lambang yang dikatakan dibina melalui bahasa. Beliau telah membincangkan lima jenis kod mengikut pembahagian Barthes (1975) bagi memperoleh makna di sebalik penggunaan lambang. Lima jenis kod yang diteliti ialah kod hermenutik, kod budaya, kod simbolik, kod semik dan juga kod aksi yang digunakan sebagai panduan untuk mentafsir teks.

Karya-karya lain yang turut menyentuh disiplin semiotik di Malaysia boleh dilihat dalam tulisan A. Teeuw yang bertajuk *Membaca dan Menilai Sastera* (1992, hlm. 65-81). Perbincangan mengenai disiplin ini telah disentuh dalam bahagian bab keempat dengan tajuknya 'Estetik, Semiotik dan Sejarah Sastera'.

Dalam bab keempat buku *Pengantar Falsafah Bahasa* (1994, hlm. 44-83) yang dihasilkan oleh Hashim Hj. Musa juga turut menyentuh berkaitan dengan 'Ilmu Semantik dan Teori Simbolisme Sepintas Lalu'.

Seorang lagi pengkritik, iaitu A. Rahim Abdullah pula telah membuat penelitian terhadap perkembangan bidang semiotik dalam kesusasteraan Malaysia. Dalam tulisannya yang berjudul 'Semiotik Masih Baru dalam Sastera Malaysia' (Dewan Sastera, 1997:48-49), beliau mengemukakan pandangannya terhadap lima kertas kerja yang dibincangkan dalam sesi pembentangan seminar sehari 'Semiotik dan Disiplin Kritikan' yang bertempat di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia pada 13 Jun 1987.

Berikutnya, Mana Sikana (1998:152-192) turut membincangkan satu topik khusus berkaitan kajian semiotik dengan panjang lebar dalam bukunya yang berjudul *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*.

Satu lagi makalah yang diterbitkan dalam Jurnal Bahasa (Jun 2001: 193-212) turut membincangkan satu topik yang cukup relevan berkaitan dengan disiplin kajian ini, iaitu bertajuk 'Teori Semiotik:Tanda Bahasa dan Wacana Sastera' hasil tulisan Mana Sikana atau nama sebenarnya Abdul Rahman Hanafiah.

Di peringkat Institusi Pengajian Tinggi pula khususnya di Universiti Malaya, secara keseluruhannya boleh dilihat daripada kajian Kartina Haji Dollah (1994) dengan tajuk 'Imej Wanita Jalang di Layar Perak: Kajian Kes "Perempuan, Isteri & ..." arahan U-Wei Shaari: Satu Pendekatan Semiotik' dan Wong Sau Tian (1994) yang bertajuk 'Analisis Kandungan Rancangan di TV 3: Kajian Semiotik Tentang Imej Wanita dalam Nona dan Wajah-Wajah'. Kajian ini telah dihasilkan dalam bentuk latihan ilmiah bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan ijazah sarjana muda.

Manakala di peringkat sarjana pula telah dihasilkan oleh Abd. Razak Mohamad Yusuf (2000) dengan kajiannya yang bertajuk 'Pantun: Satu Analisis Semiotik'. Menyentuh tentang penghasilan kajian semiotik ke atas genre berbentuk pantun, setakat ini hanya diusahakan di peringkat sarjana sahaja, iaitu dalam bentuk kertas projek oleh Abd. Razak Mohamad Yusuf. Beliau telah membuat penelitian ke atas dua jenis pantun, iaitu pantun budi dan juga pantun nasihat.

Pengenalan disiplin semiotik sebagai salah satu kursus dalam Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya nampaknya mendatangkan hasil yang lebih baik. Ini kerana adanya usaha pelajar jurusan akhir yang membuat latihan ilmiah sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, terdapat juga kajian di peringkat sarjana yang dihasilkan dalam bentuk kertas projek.

Nampaknya di peringkat Ph.D juga sudah mula mendapat perhatian yang sewajarnya memandangkan terdapat sekurang-kurangnya dua penulisan ilmiah berkaitan dengan bidang ini.

Dalam tempoh empat tahun tersebut, iaitu dari tahun 2000 hingga 2004, terdapat sekurang-kurangnya lapan kajian yang telah dihasilkan. Misalnya, di peringkat sarjana muda telah dihasilkan oleh Azlizawaty Hasim dengan tajuk 'Penggunaan Bahasa dalam Bidang Insurans dari Sudut Retorik dan Semiotik' (1999/2000). Beliau telah membuat kajian terhadap penggunaan bahasa dalam bidang insurans dari sudut retorik dan semiotik. Disiplin kajian semiotik dilihat sebagai pendekatan kedua dengan memberi tumpuan kepada aspek bahasa melalui penerapan teori Peirce. Namun, andaian teori yang dikemukakan oleh Peirce cuba diserasikan dengan konteks Islam. Secara sepintas lalu, beliau turut menyentuh pendekatan semiotik yang digunakan oleh de Saussure. Jika

diperhatikan dalam bahagian bab keempat, beliau telah membuat perbandingan analisis dari sudut retorik dan semiotik, yakni tumpuan diberikan terhadap aspek permaknaan itu sendiri dan wujudnya saling keberkaitan antara retorik sebagai kaedah pengucapan atau pertuturan manakala semiotik menumpukan kepada aspek tanda.

Zaleha Hussain melalui kajiannya yang bertajuk 'Surah An-Nisa': Analisis dari Perspektif Semiotik Bahasa Melayu' (1999/2000) pula menumpukan kajian terhadap 20 ayat pertama dalam surah an-Nisa'. Kajiannya hanya difokuskan terhadap aspek lambang kata nama. Tanda yang diwakili oleh lambang ini dilihat dari aspek permaknaan, iaitu kehadiran antara unsur pelambang (*signifier*) dan hubungannya dengan aspek lambangan atau makna (*signified*) yang membawa makna konkrit, abstrak dan juga ghaib. Analisis seterusnya adalah dengan mengesan perbezaan konsep 'lambang' yang wujud dalam semiotik Islam dan semiotik Barat.

Sementara itu, Senan Long dalam kajiannya yang bertajuk 'Sumbangan Semiotik dalam Penulisan Sebuah Buku Cerita Kanak-Kanak' (2001/2002) pula melihat kehadiran ketiga-tiga kategori tanda, iaitu lambang, ikon dan juga indeks berdasarkan sebuah buku cerita kanak-kanak yang bertajuk *Ada Hujan Ada Panas* (1995). Lambang-lambang yang dikaji ditumpukan kepada aspek kata nama daripada kategori kata

nama am dan kata nama khas. Beliau seterusnya membuat perbandingan ke atas ketiga-tiga jenis tanda yang disesuaikan dengan konsep semiotik Barat yang dianggap serasi dengan pengaplikasian MSPL menurut perspektif Islam.

Manakala Siti Raihanni Selamat dengan kajiannya yang bertajuk 'Perspektif Semiotik Lambang Dalam Cerpen Shahnon Ahmad' (2001/2002) hanya menumpukan kepada satu kategori tanda sahaja, iaitu aspek lambang yang terdiri daripada kategori kata nama. Data-data yang dikumpul daripada 6 buah cerpen Shahnon Ahmad, iaitu 4 daripadanya dipetik daripada 'Koleksi Terpilih Sasterawan Negara: Shahnon Ahmad' (1994) dan 2 buah lagi daripada majalah Dewan Sastera keluaran Februari 1981 dan Januari 1996 diterapkan dengan MSPL. Lambang-lambang yang dikaji bukan sekadar pada tanda-tanda yang bersifat konkrit, malah kewujudan yang bersifat abstrak dan ghaib juga turut dikesan.

Sementara itu, di peringkat sarjana pula telah dihasilkan oleh Hema Ashwini A/P Uthamaseelan (2001) yang bertajuk 'Kosa Kata Tamil dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Semiotik'. Dalam kajian tersebut, beliau memfokuskan tumpuannya kepada aspek semiotik terhadap kosa kata pinjaman, iaitu kosa kata Tamil dalam bahasa Melayu yang dipetik dalam teks Hikayat Hang Tuah (1997). Melalui kajian ini beliau telah mengenal

pasti 33 lambang yang wujud dalam kosa kata Tamil dan disesuaikan mengikut perspektif Islam. Seterusnya aspek permaknaan diteliti dalam bahasa Tamil dan juga dalam bahasa Melayu.

Kajian terakhir yang dilakukan oleh Mohd. Hisham Othman (2001) yang bertajuk 'Budi dan Adab dalam Mestika Bahasa: Satu Analisis Semiotik' pula menerapkan MSPL ke atas 12 peribahasa yang dipetik dalam Mestika Bahasa (1959). Tumpuan hanya diberikan terhadap aspek lambang-lambang yang mengandungi nilai-nilai dan norma masyarakat Melayu itu sendiri. Sebagai kaedah menemukan kebenaran dalam mencari ilmu, beliau menerapkan 'teori' atqakum yakni perintah yang menuntut manusia menjadi makhluk paling bertakwa di sisi Allah. Secara tidak langsung melihat keperluan mengkaji bahasa secara implisit (dalaman) dan bukannya melihat bahasa secara eksplisit, iaitu hanya di peringkat kognitif semata-mata seperti yang dilakukan oleh ahli bahasa dari Barat.

Setakat ini kajian di peringkat ijazah kedoktoran yang menyentuh tentang bidang semiotik telah dihasilkan oleh Nathesan Sellappan (2001) yang bertajuk 'Istilah Sains dalam Bahasa Melayu: Aspek Pengupayaannya'. Dalam kajian tersebut, beliau menggunakan korpus daftar istilah sains yang berjudul *Daftar Istilah Mabbim: 1985-1992 (DIM)* dengan menumpukan penelitian kepada istilah-istilah dalam tiga bidang

sains yang utama, iaitu bidang biologi, fizik dan kimia. Usaha meneliti pengupayaan istilah sains dalam bahasa Melayu ini turut menggunakan kerangka model semiotik yang disesuaikan dengan bidang kajiannya.

Satu lagi kajian telah dilakukan oleh Tuan Jah Tuan Yusof (2004) yang bertajuk 'Indeks Kognitif: Analisis Leksikal Bahasa Melayu dan Bahasa Orang Asli'. Beliau turut menggunakan pendekatan Model Semiotik Paling Luas yang menggunakan 100 leksikal bahasa Melayu yang mempunyai padanannya dengan kata yang lazim digunakan oleh orang asli daripada suku kaum Semai. Data-data tersebut turut mengambil kira senarai kata Morris Swadesh. Namun, hanya leksikal kata nama sahaja yang diberi penumpuan, iaitu daripada kategori kata nama konkrit, abstrak dan juga ghaib.

Boleh dikatakan keseluruhan daripada mereka mengaplikasikan pendekatan semiotik menurut perspektif Islam dengan menerapkan MSPL. Jika diperhatikan juga, kebanyakan daripada mereka lebih dominan memberi tumpuan kepada aspek lambang. Lambang-lambang yang dikaji lebih kepada penggunaan bahasa tersurat. Aspek yang berkaitan dengan lambang-lambang tersirat (bahasa kiasan) tidak begitu diberi perhatian sedangkan lambang-lambang seumpama ini juga penting untuk ditonjolkan bagi melihat kepelbagaian makna serta ungkapan-ungkapan yang digunakan menurut konsepsi masyarakat penutur.

Justeru, melalui kajian ini diharapkan sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang berminat mendalami bidang ilmu ini.

Di Universiti Sains Malaysia pula terdapat satu kajian yang dihasilkan oleh pelajar sarjana dalam bentuk tesis. Tesis tersebut telah dihasilkan oleh Yulsafli (2000) yang bertajuk 'Kod Sastera dalam Puisi-Puisi Terpilih W. S Rendra'. Dalam kajiannya tersebut, beliau telah menganalisis 10 antologi puisi W. S Rendra dan telah memilih 12 buah puisi daripada koleksi antologi tersebut dengan menerapkan teori semiotik Peirce.

Selain itu, terdapat juga satu kajian yang dilakukan di peringkat sarjana oleh pelajar Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bentuk kertas projek, iaitu yang bertajuk 'Orang-Orang Kecil: Satu Kajian Pendekatan Eklektik' oleh Khatijah Ismail (2001). Beliau telah mengaplikasikan tiga pendekatan dalam kajiannya, iaitu pendekatan teksdealisme, semiotik dan stilistik.

Kajian seumpama ini yang menggunakan korpus pantun turut termuat dalam beberapa tulisan berbentuk artikel yang diusahakan oleh ilmuwan tempatan. Misalnya, Mohd. Fauzi Abdullah telah menghasilkan satu kajian ke atas pantun yang bertajuk 'Pantun: Satu Analisis Semiotik' (Dewan Sastera, Februari 1998: 7-12). Dalam terbitan yang sama,

Mohamad Azmi Ab. Rahman (1998:13-19) pula telah menulis satu artikel berjudul 'Simbolisme dalam Pantun Percintaan Melayu'.

Seorang lagi sarjana tempatan, iaitu Mohamad Shahidan telah meneliti satu kajian berhubung dengan tanda dalam tulisannya yang bertajuk 'Tanda dalam Masyarakat Melayu' (Dewan Budaya, Januari 2002:44-45). Satu lagi artikel yang dihasilkan oleh penulis yang sama turut menyentuh satu kategori tanda dengan tajuknya 'Lambang dalam Pantun' (Pelita Bahasa, Mac 2003:34-36).

Sementara itu, kelihatan juga hasil tulisan yang diusahakan oleh sarjana Indonesia turut menjadi sumber rujukan para pengkaji di Malaysia. Misalnya, terdapat sebuah teks yang membicarakan secara agak terperinci mengenai bidang kajian ini. Teks berjudul *Serba-Serbi Semiotika* (1992) yang disunting oleh Panuti Sudjiman dan Aart van Zoest memuatkan topik-topik penting berlatarkan disiplin semiotik.

Seorang lagi sarjana Indonesia yang turut mengkhususkan kajian mengenai disiplin ini ialah Puji Santosa dengan karyanya yang berjudul *Ancangan Semiotika dan Pengkajian Susastra* (1993).

1.2 Objektif Kajian

Pengkajian aspek ini berlandaskan kepada beberapa faktor yang utama, iaitu:

- i) Mendeskripsikan lambang dalam pantun
- ii) Membandingkan lambang yang terdapat dalam pantun yang berlainan tema dari segi kategori lambang, makna lambang dan kategori makna lambang
- iii) Mengaplikasikan Model Semiotik Paling Luas

1.3 Bidang Kajian

Pemusatan penyelidikan yang dijalankan menjurus dalam bidang semiotik bahasa Melayu. Semiotik merupakan salah satu cabang disiplin ilmu linguistik yang menumpukan pengkajian terhadap tanda yang bersifat saintifik, dikenali dengan istilah '*science of sign*'.

Tanda di sini mewakili sesuatu yang lain yang berupa pengalaman fikiran, perasaan, gagasan dan sebagainya. Justeru, tanda bukan bersifat

bahasa semata-mata, bahkan meliputi pelbagai hal yang meliputi aspek kehidupan. Dengan demikian, teori semiotik bersifat multidisiplin dan dapat dibezakan dalam dua jenis, iaitu semiotik komunikasi dan semiotik signifikasi.

Penyelidikan yang bertajuk "Semiotik daripada Perspektif Islam: Konsepsi Lambang dalam Pantun Warisan Rakyat" ini akan menumpukan penelitian kepada kajian tanda hanya dalam kategori lambang KN, iaitu KN am dan KN khas sahaja. Penggunaan lambang akan diteliti dari aspek hubungan antara pelambang dan unsur lambangan dengan merujuk kepada bidang semantik atau kajian lapangan makna. Dengan kata lain, hubungan tersebut melibatkan antara petanda (*signified*) dan penanda (*signifier*) dalam mentafsir makna. Namun, istilah yang akan diguna pakai dalam kajian ini merujuk kepada konsep pelambang dan unsur lambangan.

Ringkasnya, kajian ini melihat korelasi antara pelambang dan unsur lambangan dalam genre pantun. Tumpuan diberikan kepada dua jenis pantun pilihan yang dikelaskan mengikut kategori tema tertentu, iaitu PA&K serta PP&P.

Berdasarkan kerangka semiotik de Saussure dan juga Peirce, kajian ini diserasikan dengan mengambil kira input keagamaan, yakni

melalui pengaplikasian MSPL. Tumpuan diberikan kepada aspek lambang, iaitu melihat korelasi antara pelambang dan unsur lambangan dalam bahagian maksud pantun di samping dikaji berdasarkan keserasian dan menolak mana-mana percanggahan yang wujud dengan agama.

1.4 Bahan Kajian

Secara keseluruhannya, bahan analisis dipetik daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984 (cetakan kedua) dalam *Kumpulan Pantun Melayu* yang diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar. Cetakan pertama buku ini telah diterbitkan pada tahun 1983.

Buku ini memuatkan 2052 rangkap pantun yang dibahagikan ke dalam sebelas jenis tema. Namun, hanya dua jenis tema sahaja dipilih untuk diaplikasikan dalam kajian, iaitu daripada tema pantun agama dan kepercayaan (PA&K), serta pantun peribahasa dan perbilangan (PP&P). Daripada jumlah keseluruhan, iaitu 79 rangkap pantun dalam kategori tema PA&K, sebanyak 76 rangkap daripadanya mengandungi lambang-lambang KN dalam bahagian maksud. Ini bermakna terdapat 3 rangkap pantun yang langsung tidak mengandungi aspek lambang KN dalam bahagian maksudnya.

Sementara itu, teori yang didukung oleh Peirce (aliran Amerika) pula melihat tanda hanya kepada kewujudan yang bersifat empirikal, yakni merujuk kepada dunia lahiriah semata-mata (boleh dikesan melalui pancaindera). Peirce (dlm. Daniel Chandler, 2002:38-39) berpendapat bahawa:

"The symbol is connected with its object by virtue of the idea of the symbol – using mind, without which no such connection would exist ... is constituted a sign merely or mainly by the fact that it is used and understood as such.

A symbol is a sign whose special significant or fitness to represent just what it does represent lies in nothing but the very fact of there being a habit, disposition, or other effective general rule that it will be so interpreted."

Golongan ini menolak hakikat kewujudan multidimensi yang berada pada jangkauan yang mungkin tidak dapat dikesan melalui pengalaman duniawi semata-mata. Adanya kewujudan alam ghaib seperti alam akhirat dan alam roh cuba dipertikaikan. Merujuk kepada fenomena kematian pula jelas membuktikan bahawa jangka hayat seseorang amat terhad sekali dan tidak selama-lamanya kekal di dunia.

Andaian doktrin semiotik yang berbau *empiricism* ini jelas bertentangan dengan konsepsi Islam tentang kebenaran mutlak yang tidak boleh dipertikaikan lagi kerana bersumberkan wahyu, iaitu al-Qurān

dan al-Hadis. Dengan kata lain, ilmu Islam berteraskan penggabungan antara ilmu wahyu dan ilmu sains. Kepentingan sains memang tidak dapat dinafikan dalam kehidupan kerana merupakan salah satu cabang kepada pemerolehan ilmu. Namun, dari segi kedudukan hirarki, ilmu wahyu tetap berada pada kedudukannya yang teratas.

Kajian ini cuba meneliti tanda-tanda atau kewujudan yang bukan sekadar dapat diinderakan, malah merangkumi kewujudan yang berada di luar alamiah. Kejadian atau peristiwa yang bersifat di luar kemampuan fakulti akal manusia khususnya bagi mereka yang tidak mempercayai kebangkitan semula selepas kematian, adanya syurga dan neraka sebagai tempat perhitungan dan kemunculan kiamat yang menandakan akan kemusnahan dunia, diharap dapat membuktikan kewujudan Pencipta melalui dalil-dalil yang bersumberkan wahyu.

Keterangan mengenai perkara-perkara ghaib yang jelasnya tidak dapat dilihat dengan mata kasar dibuktikan melalui firman Allah dalam surah al- An' ām yang bermaksud:

"Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja; dan ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun-pun melainkan ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur

yang basah dan yang kering, (melainkan) semuanya ada tertulis di dalam Kitab (Luh Mahfuz) yang terang nyata.”

(Al-Qurān, 6:59)

Kebangkitan sekularisme Barat telah mempengaruhi corak dan daya pemikiran manusia sehingga wujud masyarakat yang egois dan menolak peranan Tuhan dalam kehidupan mereka. Golongan agnostik ini berpendapat hanya sesuatu yang berupa kebendaan sahaja yang boleh diketahui, sedangkan hal-hal yang melibatkan kewujudan Pencipta dan bukti kekuasaannya yang bersifat ontologikal tidak mungkin dapat dikesan. Kebergantungan sepenuhnya kepada fakulti akal yang sedia terhad dan lemah tidak akan memungkinkan mereka menemui jalan kebenaran. Dengan kata lain, teori barat yang sedemikian tidak mampu menyelami makna yang sempurna dan lengkap dalam memahami asas kebenaran ilmu.

Justeru, manusia dianugerahkan ilmu pengetahuan yang dapat mentafsir bahasa isyarat atau lambang dalam alam. Berdasarkan pengetahuan inilah maka timbul pemikiran rasional dari akal dan budi manusia dan bukan setakat kelogikan semata-mata yang menjadi dasar pemikiran falsafah sekularisme Barat.

Di sinilah letaknya kepentingan manusia, iaitu makhluk pilihan yang merupakan seindah-indah kejadian. Justeru, haiwan yang bertaraf lebih rendah tidak dikurniakan dengan persepsi sedemikian. Secara ringkas, pengetahuan dianugerahkan kepada manusia supaya mereka mampu menakhluqi alam ciptaan Tuhan yang tidak terbatas kepada dunia yang bersifat lahiriah semata-mata. Kewujudan alam ghaib yang berada di luar dari kemampuan akal manusia hanya dapat dijawab melalui keterangan-keterangan yang jelas dan nyata, iaitu menerusi al-Qurān dan al-Hadis.

Ekoran itu, setiap bidang ilmu perlu dilihat dalam kerangka pemikiran Islam, begitu juga dengan disiplin semiotik. Bagi melihat kewujudan lambang sama ada yang bersifat konkrit, abstrak ataupun ghaib, dua kaedah perlambangan akan dilihat. Pertama, kaedah *denotasi* yang bertugas melambangkan tiap-tiap benda atau perkara yang terkandung dalam kelas benda atau perkara tersebut. Kaedah kedua pula, iaitu *designasi* berperanan melambangkan sejumlah sifat yang harus ada pada benda atau perkara yang dilambangkan oleh sesuatu perkataan (lambang).

Melalui pendekatan ini, kewujudan tanda-tanda yang berada di luar pengalaman duniawi dapat dikenal pasti walaupun fakulti akal manusia adalah terhad dalam kemampuannya yang begitu terbatas. Justeru, bagi menjawab soalan-soalan yang bersifat ontologikal khususnya, kaedah

designasi, yakni mengenal pasti kehadiran sifat-sifat sesuatu pelambang akan digunakan berpandukan kepada dalil-dalil naqli.

Kewujudan roh atau makhluk-makhluk halus seperti malaikat, jin, iblis, syaitan serta adanya syurga, neraka dan hari kiamat memang tidak dapat didenotasikan. Namun bukanlah bermakna tidak wujud kerana kewujudan di sini bermaksud adanya sesuatu benda atau perkara itu memang logik dan dapat dicitra oleh akal melalui penghujahan dengan bukti-bukti yang benar berdasarkan pancaindera, ilmu sains dan ilmu wahyu (Hashim Musa, 1994:66). Walaupun tidak dapat ditanggapi dengan pancaindera, kewujudannya memang tidak dapat dinafikan kerana terdapat sifat-sifat (kajian *designasi*) yang nyata bagi setiapnya. Misalnya dalam surah al-Fatir dan surah al-Ma'ārij Allah berfirman yang bermaksud:

"Segala puji tertentu bagi Allah yang menciptakan langit dan bumi, yang menjadikan malaikat utusan-utusan bersayap; dua, tiga, dan empat;"

(Al-Qurān, 35:1)

"Yang dilalui oleh malaikat-malaikat dan Jibril ke pusat pemerintahanNya (untuk menerima dan menyempurnakan tugas masing-masing, terutama) pada satu masa yang adalah tempohnya (dirasai oleh orang-orang yang bersalah) sungguh panjang, (kerana banyak hitungan hisab dan berat soal jawabnya)."

(Al-Qurān, 70:4)

Melalui keterangan ayat tersebut, Allah telah menciptakan malaikat yang mempunyai sayap daripada cahaya sebagai utusan dan akan bersama-sama manusia bangkit di hari pembalasan. Mengenai ramainya bilangan malaikat hanya Allah sahaja yang mengetahui. Namun, masing-masing mempunyai tugas dan kewajipannya terhadap Allah. Secara sedar atau tidak, setiap amalan manusia di atas muka bumi ini akan dicatat oleh dua orang petugas Allah (malaikat) yang dikenali dengan nama Atib dan Raqib. Kehadiran utusan Allah ini memang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, namun dinyatakan sifat serta peranan masing-masing seperti yang tercatat dalam keterangan al-Qurān yang bermaksud:

“Semasa dua malaikat (yang mengawal dan menjaganya) menerima dan menulis segala perkataan dan perbuatannya; yang satu duduk di sebelah kanannya, dan yang satu lagi di sebelah kirinya. Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya), melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menulisnya).”

(Al-Qurān, 50:17-18)

Mengenai kejadian jin, iblis dan juga syaitan turut diriwayatkan di dalam al-Qurān. Golongan inilah yang telah berusaha untuk menyesatkan keturunan Adam dan mereka ialah musuh yang paling nyata bagi umat Islam. Walaupun kewujudan mereka tidak dapat dikesan melalui

pancaindera, namun dijelaskan di dalam al-Qurān yang boleh diperhatikan daripada maksud petikan ayat yang berikut:

"Dan Ia telah menciptakan jin dari lidah api yang menjulang-julang."

(Al-Qurān, 55:15)

"Demi sesungguhnya! Aku akan memenuhi neraka Jahannam dengan jenismu dan dengan orang-orang yang menurutmu di antara zuriat-zuriat Adam (yang derhaka) semuanya."

(Al-Qurān, 38:85)

Keterangan mengenai hari kebangkitan juga turut dijelaskan oleh Allah s.w.t., yakni kemunculan detik kiamat akan membinasakan alam dunia dan segala kewujudan yang ada. Sesungguhnya janji Allah akan tiba juga dan berbahagialah bagi mereka yang tergolong dalam ahli syurga dan sebaliknya pula bagi golongan ahli neraka. Firman Allah yang bermaksud:

"Maha berkat Tuhan yang jika Ia kehendaki tentulah Ia akan mengadakan untukmu (di dunia ini) sesuatu yang lebih baik dari apa yang mereka katakan itu, iaitu syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; serta mengadakan untukmu istana-istana (yang tersergam indah). (Mereka bukan sahaja mendustakanMu) bahkan mereka juga mendustakan hari kiamat; dan Kami telah sediakan bagi sesiapa yang mendustakan hari kiamat itu, api yang menjulang-julang."

(Al-Qurān, 25:10-11)

"Dan (sebaliknya) sesiapa yang berada di dunia ini, (dalam keadaan) buta (mata hatinya), maka ia juga buta di akhirat dan lebih sesat lagi jalannya."

(Al-Qurān, 17:72)

Begitulah di antara keterangan-keterangan yang nyata dan sahih sumbernya bagi mereka yang beriman dengan kalam Allah. Secara analogi, sekiranya air laut di alam ini dijadikan dakwat masih belum mencukupi untuk menulis ilmu Allah yang sangat luas. Tanda-tanda yang bersifat ghaib ini hanya mampu dirungkai melalui wahyu Allah, begitu juga dengan kewujudan di alam maya ini yakni yang meliputi seluruh kejadian di langit dan di bumi. Ilmu saintifik sendiri tidak mampu menyelesaikan hal-hal yang bersifat duniawi, apatah lagi persoalan yang melibatkan urusan ukhrawi.

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan memfokuskan pencarian dan sorotan kajian di Perpustakaan Utama, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu dan juga Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya.

Selain itu, rujukan maklumat juga turut dijalankan di beberapa buah perpustakaan luar dan institusi tertentu yang telah dikenal pasti. Antaranya ialah Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia serta Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mendapatkan bahan-bahan yang relevan dengan kajian yang dijalankan. Selain itu, rujukan turut dilakukan di Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia menerusi internet.

Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis berdasarkan kaedah kualitatif, iaitu dengan memetik maklumat-maklumat penting untuk ditafsirkan dalam bahagian analisis. Seterusnya maklumat-maklumat tersebut akan dipersembahkan dalam bentuk kuantitatif, yakni melalui data-data statistik yang melibatkan bilangan dan juga peratusan. Selain daripada memudahkan pentafsiran dapatan, kaedah ini juga merupakan salah satu teknik yang efisien, iaitu maklumat dapat ditunjukkan dalam bentuk jadual, carta, graf, gambar rajah dan sebagainya.

1.7 Konsep-konsep Penting

Terdapat beberapa konsep penting yang digunakan dalam kajian ini, iaitu seperti yang berikut:

1.7.1 Tanda

Tanda dalam hubungannya dengan objek dapat dibahagikan kepada 3, iaitu lambang, ikon dan indeks.

1.7.2 Lambang

Lambang ialah sejenis tanda dalam hubungannya dengan objek secara fitrahi.

1.7.3 Objek

Sesuatu yang dirujuk melalui lambang, iaitu sama ada konkrit, abstrak atau ghaib.

1.7.4 Konkrit

Konkrit ialah objek yang dapat diinderakan dan bersifat kebendaan, yakni benda-benda yang maujud.

1.7.5 Abstrak

Abstrak merujuk kepada objek yang tidak maujud, hanya berada di peringkat kognitif.

1.7.6 Ghaib

Ghaib ialah objek yang berada di luar jangkauan indera, tidak bersifat konkrit mahupun abstrak.